

# SELEPAS GAWAI

Teks: Jais Sahok

Tentang Gawai, tidak ada sesiapa yang mampu komen. Gawai ialah budaya nenek moyang. Jangan dikutuk majlis itu. Jikalau ada yang becok atau celupar, dia akan menerima kesannya. Padahnya berat untuk ditanggung.

Sudah tiga hari bapa tidak bangun. Digesa oleh emak sudah berkali-kali – bapa masih tidak juga bangun. Mendengus pun tidak. Dipanggil enggan menyahut. Semakin bisung mulut emak. Suara emak semakin hangat dan bingit.

Selepas gawai, seluruh penduduk kampung sudah bangun. Semua orang sudah ke tepian. Sudah mandi, membersihkan badan daripada kotoran. Sudah berkemas rumah. Sudah mencuci pakaian. Sudah mencuci semua kotoran yang ditinggalkan oleh mereka yang mabuk, yang memuntahkan semua isi perut seadanya, yang menumpahkan arak cap apek, cap langkau, cap pelanduk atau arak tanpa cap.

Bau hanyir dan hapak, tiada siapa yang suka. Sebab itulah semuanya perlu dicuci. Semasa mengalih lapik lantai itu, sama ada tikar mengkuang, tikar rotan, tikar getah, guni atau karpet mahal, semua orang menutup hidung. Semua benci akan bau hapak dan busuk itu. Semua tidak larat. Semua sendat nafas. Tetapi kerana peristiwa yang menghanyir itu berlaku selepas Gawai, kesannya perlu dicuci.

Tentang Gawai, tidak ada sesiapa yang mampu komen. Gawai ialah budaya nenek moyang. Jangan dikutuk majlis itu. Jikalau ada yang becok atau celupar, dia akan menerima kesannya. Padahalnya berat untuk ditanggung. Jikalau ada sesiapa yang mengutuk Gawai dan kebetulan keluarganya ada apa-apa hal kemudian kelak, dia akan diboikot. Dia akan disisihkan daripada masyarakat kampung. Dia akan dipulaukan oleh seisi rumah panjang. Jikalau berselisih di tepi jalan, banyak orang yang tidak akan menegurinya. Cubalah kutuk tradisi turun-temurun itu!

Lebih buruk keadaannya jika ketua kaum, atau Tuai Rumah, atau ketua kampung sudah menyebut namanya. Jikalau nama seseorang sudah disebut atas nama ingkar, melanggar adat, akan menjadi kera sumbanglah dia. Dia akan dipulaukan hingga hilang dari kampung. Hukuman itu tidak ada sesiapa yang sanggup menerimanya. Lebih baik berkelana daripada terus menjadi kera sumbang di kampung sendiri.

Akan kemungkinan itu, semua orang sudah faham. Semua akur dan semua tunduk kepada kehendaknya. Jikalau ada angin perubahan pun, cuma yang sangat minimum sahaja.

Perubahan tahun ini cuma satu sahaja. Menteri berkedudukan tinggi berbangsa lain berpesan supaya semua orang tidak berkongsi gelas untuk minum arak semasa Gawai. Pada mulanya banyak orang Dayak yang menyoal, mengapakah dia sibuk sangat? Mengapakah mahu masuk campur hal budaya orang bangsa lain? Tetapi akhirnya semua orang ikut dan patuh. Bukanlah semata-mata dia berbangsa Cina, lalu orang Dayak patuh. Bukan juga kerana dia seorang menteri hingga air liurnya masin sangat.

Tetapi menteri berbangsa Dayak sendiri yang menasihati bangsa Dayak supaya tidak berkecil hati kerana nasihat itu. Nasihat itu dikatakan nasihat yang baik. Nasihat itu dikatakan sangat disokong oleh doktor perubatan. Dari rumah panjang

~~~~~

## **Tetapi menteri berbangsa Dayak sendiri yang menasihati bangsa Dayak supaya tidak berkecil hati kerana nasihat itu. Nasihat itu dikatakan nasihat yang baik. Nasihat itu dikatakan sangat disokong oleh doktor perubatan.**

~~~~~

ke rumah panjang menteri berbangsa Dayak itu menyatakan sokongannya terhadap kenyataan itu. Pada mulanya, banyak juga orang yang menentang, sama seperti penentangan terhadap kenyataan menteri berbangsa lain tadi.

"Itu budaya kita. Mengapakah disanggah oleh orang bangsa lain?" Dua tiga orang berbangsa Dayak berlainan suku menyatakan protes yang senada.

"Yang tidak baik, cuma bangsa lain yang nampak. Cuma orang jauh yang nampak. Cuma bangsa lain yang berani tegur." Menteri berbangsa Dayak mewajarkan sokongannya. Dahan tempat dia berpaut teguh dan liat.

"Tidak patut, itu adat kita," sanggah para Dayak yang melancarkan protes itu.

Belum pernah ada dalam sejarah budaya nenek moyang mereka adanya manusia berkedudukan tinggi berani memberikan teguran sebegitu.

"Adat pun kalau membawa bencana." Menteri berbangsa Dayak berkeras.

"Mana ada bencana. Selama ini datuk nenek kita, dan entah berapa



keturunan bangsa kita minum arak pada musim Gawai, berkongsi gelas, tidak ada bencana pun. Tidak ada mudaratnya. Hidup juga kita. Ternama juga bangsa kita. Suka juga mem dan tuan datang menjengah rumah panjang kita." Bertali-temali protes itu melilitkan ikatan akar umbinya.

"Betul. Tetapi penyakit berjangkit melalui air liur. Apabila kita minum menggunakan sebuah gelas, air liur kita terpalit di situ. Kelak mulut orang lain yang menggunakan gelas yang sama akan terkena air liur kita. Jikalau ada kuman TB atau SARS atau AIDS pada air liur kita itu tadi, orang lain akan terkena. Jikalau mahu kena, ikutlah cara lama kita," menteri berbangsa Dayak tetap berkeras.

Dia berasa tamadun bangsa yang berakar budaya minum arak cap apek, cap langkau atau cap pelanduk itu memudaratkan. Bukti saintifiknya sangat banyak. Jikalau dia bercerita tentang fakta saintifik itu, orang sukar hendak faham. Dia perlu menyuguhkan maklumat itu atas nama penyakit.

Pesan dan teguran itu ditinggalkan begitu sahaja. Menteri berbangsa Cina cuma melepaskan teguran sebagai tanggungjawab sosial. Dia terus ke luar negeri kerana bercuti panjang menjelang perayaan. Beberapa orang pemerhati dan penganalisis melihat hipokritisme dan oportunisme yang bergayut di tangkai hatinya. Menteri berbangsa Dayak pun separuh hati dalam penantiannya pada Hari Gawai itu. Tetapi

menjelang sambutan Hari Gawai, semua orang yang berdiri menuangkan arak cap apek, arak cap langkau atau arak cap pelanduk untuk diagih-agihkan kepada khalayak di setiap ruai dan ruang menggunakan gelas plastik yang dimasukkan ke dalam plastik dan dililit di pinggang. Selepas digunakan untuk menuang arak kepada seorang, bekas yang diperbuat daripada plastik itu terus dibuang ke bawah rumah melalui jarang lantai belahan nibung.

Semua penghuni rumah panjang membeli sekarung bekas minum plastik kecil untuk kegunaan itu. Bekas minuman plastik itu akhirnya bertaburan di bawah rumah dan di laman-laman. Ada yang dialih oleh cakaran ayam jantan, ada pula yang disondol babi ternakan. Anak-anak anjing yang menanti sisa kaki dan tulang ayam yang dibuang pun menumpangkan peranan mereka. Di sepanjang jalan dari rumah ke rumah, dari rumah ke jalan besar, denai diputihi dengan bekas minuman kecil dan comel itu. Kekotoran itu menyerlahkan kejayaan bahawa orang tidak minum arak secara berkongsi gelas lagi.

Satu pembaharuan yang diterima masuk secara bersahaja ke dalam sistem budaya bangsa. Memanglah taburan bekas minuman itu satu tanda protes tetapi semua orang sudah mendengar nasihat dan berubah apabila diajak. Sudah mendengar cakap. Sudah ikut arus perdana. Banyak orang memuji perubahan itu. Banyak juga pihak yang menyatakan rasa bangga



masing-masing. Ada pemimpin dan ketua jabatan di pejabat kerajaan yang menyatakan rasa syukur kerana perubahan yang sangat membanggakan itu.

Menteri Ah Meng itu mendapat pujian. Walaupun dia baharu pulang daripada cuti panjang, tetapi pujian datang tepat pada masanya. Menteri Dayak yang pada mulanya ditentang kerana menyokong Menteri Ah Meng pun turut mendapat pujian. Melimpah-limpah pujian terhadapnya, pujian dilontarkan sama ada dalam keadaan waras atau mabuk.

Orang kata perubahan itu sesuatu yang bagus. Seorang dua yang pada mulanya tidak menerimanya, beransur-ansur berubah sikap.

Penyakit jangan diundang. Jikalau ternyata penyakit berupaya berjangkit seperti itu, melalui cara begitu, dikatakan pula oleh cerdik pandai yang dibelanjai persekolahannya ribuan ringgit banyaknya, semua bersetuju untuk mendengar cakap mereka. Jikalau bukan kata cerdik pandai yang bersekolah melalui biaya wang rakyat, cakap siapa lagi yang hendak didengar? Cakap nenek datuk yang sudah nyanyuk kerana terlalu lama makan garam? Patutkah? Semua membulatkan suara persetujuan.

Bapa pun dengar cakap menteri itu juga. Bapa patuh. Entah berapa kali bapa mengangguk walaupun kepalanya semakin berat oleh arak cap pelanduk – satu jenama baru berbanding dengan cap apek atau cap langkau. Dia ikut. Dari malam sebelum Gawai lagi bapa sudah menggunakan entah berapa banyak bekas minuman plastik yang kecil dan comel itu. Dan entah berapa biji yang menjadi mangsa lontarannya. Semasa menghalau anak babi yang menyondol di kaki tangga di hujung rumah panjang pun bapa gunakan bekas plastik itu juga.

Entah berapa banyak yang sudah digunakan oleh bapa, tidak ada sesiapa yang mengiranya. Jikalau jatuh daripada tangannya, bapa akan ambil yang satu lagi. Bapa akan ambil yang baharu. Yang jatuh akan disepakinya hingga jatuh ke bawah rumah. Karungnya digantung oleh bapa di dinding. Memang mudah bapa mengambilnya sekiranya diperlukannya. Bapa begitu asyik dengan kehanyutannya. Bapa benar-benar bermandi arak selama tiga hari bergawai. Yang terjatuh di lantai akan di tenyeh-tenyeh oleh bapa dengan sebelah kaki, bagai orang melepaskan perasaan geram. Atau mungkin juga bapa beranggapan bekas plastik begitu, yang dibeli dengan harga

seringgit dapat lima belas biji, sangat murah bagi bapa.

Tentang harga yang rendah begitu, bapa kelihatan tidak kisah. Dia hanya mahu menggunakannya sepuas-puasnya. Bapa memang melepaskan geramnya pada musim gawai begitu. Bapa akan mabuk sepuas-puasnya pada musim Gawai begitu. Bapa selalu hilang punca pada Hari Gawai. Dan bapa memang terkenal pemabuknya pada hari perayaan begitu. Malah bapa sebenarnya sudah menjadi ejekan generasi muda. Bapa selalu menjadi orang ejekan kerana tabiat pemabuknya.

Pada Hari Gawai, karung plastik bapa yang pertama sudah kosong. Bapa mengerah Jinggot membeli di kedai Sun Hua, di baruh. Jinggot mengadu kecewa.

"Tauke jual tiga ringgit sekarung hari ini Pai."

"Beli juga. Kita mahu pakai."


"Baiklah."

Bergegas-gegas Jinggot ke baruh sekali lagi. Mukanya juga sudah merah kerana serangan alkohol buatan sendiri di rumah panjang itu. Jikalau hendak menunggu arak berjenama yang dijual di Betong hendak naik ke rumah, ongkosnya terlalu tinggi.

Arak buatan sendiri bercap pelanduk lebih murah dan lebih berbisa. Semua orang sudah tahu akan hakikat itu. Semua orang sudah kenal akan bisa arak cap pelanduk itu. Jika minum sebanyak dua gelas penuh, orang yang kurang biasa, sudah boleh tumbang. Kecualilah kalau dia mengamalkan jerangau merah. Jika ada akar jerangau merah di celah-celah gigi, minumlah sampai menakutkan orang, tidak akan mabuk.

"Masih tidak bangun lagi orang tua itu?" Emak semakin bising – kebisingan yang serentak dengan kenaikan mata hari.

Rumbai mendengus sahaja. Tidak terkatikan apa-apa. Yang terkedang di bilik tidur ialah bapa. Bapa yang tidak bangun-bangun lagi. Yang bising marah-marah ialah emak. Emak yang terlalu banyak melakukan kerja. Ke baruh emak. Ke tepian juga emak. Membasuh pakaian emak, ke dapur juga emak. Ke Betong menjual getah keping emak, ke kebun dan huma juga emak.



Rumbai mendengus sahaja.  
Tidak terkatakan apa-apa.  
Yang terkedang di bilik tidur  
ialah bapa. Bapa yang tidak  
bangun-bangun lagi. Yang  
bising marah-marah ialah  
emak. Emak yang terlalu  
banyak melakukan kerja. Ke  
baruh emak. Ke tepian juga  
emak. Membasuh pakaian  
emak, ke dapur juga emak.

Beberapa kali Rumbai bertanya, mengapakah emak yang kelihatan lebih sibuk daripada bapa? Emak cuma mendengus. Lusa dia perlu kembali ke asrama sekolah di Pekan Besar, Betong. Perjalanannya panjang. Dia memerlukan wang. Dia perlu minta daripada emak atau bapa atau kedua-duanya sekali.

Jikalau mereka bertelagah, dia tidak akan dapat duit. Kalau tidak berduit, dia akan susah di asrama kelak. Dia tidak mahu susah. Dia suka belajar. Dia suka dipuji pandai. Sudah empat tahun dia belajar di sekolah menengah di Pekan Betong, selama empat tahun itu juga dia mendapat pujian. Dia bangga.

Rumbai tidak suka kalau kelengkapan sekolahnya tidak dapat dipenuhi semata-mata kerana tidak ada wang. Dia tidak percaya emak atau bapanya tidak ada duit. Semasa Gawai itu dia memang mengira-ngira kos kesemua perbelanjaan. Dia belajar mata pelajaran Ekonomi Asas. Memang pengiraan begitu sangat diperlukan dalam hidup. Cikgu Jamel selalu mengaitkan mata pelajaran itu dengan kehidupan seharian.

Tidak kurang tujuh ratus wang keluarganya dihabiskan untuk Hari Gawai itu. Alangkah baiknya kalau digunakannya untuk bersekolah sekadar sepuluh peratus daripadanya. Dapatlah dia membeli buku rujukan yang dijual orang di Bandar Sri Aman. Kalau dia sendiri tidak dapat ke Sri Aman pun dia boleh minta pertolongan Cikgu Jamel. Cikgu Jamel baik dengannya. Sudi pula menolong.

Rumbai akan minta juga duit itu kerana buku rujukan itu diperlukannya. Dia tidak mahu teman sekelas yang lain

semuanya memiliki buku rujukan tambahan itu sedangkan dia cuma menjeling dari sudut kelas.

Bapanya tidak miskin dia tahu. Pada musim Gawai, bapa akan berbelanja semahu-mahunya. Bapa menghabiskan wang simpanannya ketika menjelang Gawai. Bapa akan berhabis. Perangai bapa sudah dikenalnya. Tetapi dia masih memprotes, cuma tidak dinyaringkannya dalam bentuk suara. Dia menelan sahaja suaranya dalam protes yang berat itu.

"Bila lagi orang tua ni nak bangun."

Keluh-kesah emak masih menuba suasana rumah panjang mereka.

"Tunggu hendak mati barang kali baharu hendak bangun," bebel emak berterusan.

"Mengapa?" tegur Indai Suti dari bilik sebelah. Rumbai tersentak dengan rasa malu yang tebal.

"Entah, hendak mati barangkali. Orang lain sudah bangun, sudah mandi, sudah makan, malah ada yang sudah ke kebun, tetapi dia..." emak melepaskan keluhan beratnya. "Hendak berulat di dalam bilik itu barang kali."

Rumbai memahami berat perasaan emak. Protesnya mendalam.

Rumbai menyepi. Jiggot yang bangun lebih awal sudah meninggalkan rumah. Entah ke mana perginya, Rumbai tidak dimaklumkan. Mungkin Jiggot pergi untuk menyembunyikan rasa malunya juga.

"Errrrgggghhhhhh," melekat-lekat suara bapa di dalam kerongkong seperti dipacak buluh tajam di bawah ketiaknya. Rumbai tersentak. Dia terhidu bau bahaya.

"Mengapa?" Rumbai menyoal dirinya. Tidak pernah dia dengar bapa berdengkur sepelik itu.

"Errrrgggghhhhhh," dengkur nyaring dan pelik dari bilik bapa kedengaran lagi. Rumbai membatu seketika dan kemudian menoleh. Menoleh pula ke arah emak. Tetapi emak masih duduk kecewa. Tunduk dengan kepala yang berat.

"Errrrgggghhhhhh." Rumbai tercegat.

"Jangan, jangan bapa terkena strok?" Melonjak soalan kemungkinan itu mendesah di benaknya. "Malapetaka," getusnya.

Dia teringat akan cerita Cikgu Jamel. Beliau pernah berkata, lebih alkohol boleh menyebabkan seseorang diserang angin ahmar secara tiba-tiba.

Dia mendesak dirinya meluru ke dalam bilik bapa.

Ketika menjengah di muka pintu bilik bapa, sambil sayup-sayup kedengaran suara bebelan emak yang masih menuduh bapa sebagai lelaki tidak berguna, kedua-dua belah matanya terbeliak bagai terasa hendak terjongol.

Hah....!

Mulut bapa berbuih-buih. Nafas bapa kelihatan semakin berat - satu persatu rentak hela dan hembusnya dapat diikuti. Rumbai menyandarkan tubuhnya yang lemah di birai pintu sebagai sokongan.